

Semangat perpaduan jadi kekuatan

BH-6/8/2006
SANTUBONG: Barisan Nasional (BN) yang amat mementingkan semangat perpaduan dan setiakawan di kalangan parti komponennya adalah asas kekuatan kerajaan yang mentadbir negara ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata kelebihan itu juga sentiasa menjadikan BN pilihan rakyat untuk menerajui kerajaan, sama ada pada peringkat negeri mahupun Persekutuan.

"Dalam BN, kita ada parti komponen yang mewakili hak dan kepentingan semua kaum di negara ini. Justeru, tiada rakyat tercicir daripada pembangunan dan kemajuan.

"Di Sarawak, BN berjaya membawa banyak perubahan kepada negeri dan rakyat. Malah, kebanyakan rakyat negeri ini hidup selesa dan berjaya dikeluarkan dari kemiskinan yang pernah membelenggu mereka dulu," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, pada majlis perasmian Perhimpunan Agung Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) 2006, di sini semalam.

Ia dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merangkap Pengerusi BN Pusat sempena lawatan kerja setengah hari beliau ke negeri ini.

Mengenai SPDP, Taib berkata, walaupun baru saja ditubuhkan, parti itu menunjukkan kematangan, malah berjaya membuktikan pencapaian cemerlangnya dalam Pilihan Raya Umum 2004 dan Pilihan Raya Negeri 2006.

Sementara itu, Presiden SPDP, Datuk William Mawan Ikom, yang juga Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak, mengalu-alukan penyertaan individu yang masih belum berparti dalam parti itu.

"SPDP yang disertai pelbagai lapisan masyarakat di Sarawak membuka pintu keahliannya kepada mana-mana ahli politik yang tidak berparti tetapi berhasrat untuk berkhidmat kepada rakyat," katanya.

Katanya, SPDP yang sudah berusia empat tahun ketika ini mempunyai 50 bahagian dengan keanggotaan berjumlah kira-kira 80,000 orang di seluruh negeri.

"Sebagai komponen BN, kita akan terus memberikan sokongan kepada kerajaan khususnya dalam merealisasikan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) melalui lima teras utama yang ditetapkan.

"SPDP akan terus memainkan peranannya untuk membela nasib rakyat luar bandar di Sarawak selain berusaha merapatkan jurang ekonomi antara penduduk kawasan luar bandar dan bandar," katanya.